

Bukhārī dan Muslim

Muhammad bin Isma‘īl al-Bukhārī ialah perawi hadis

yang masyhur, diperanakkan di Bukhara pada tahun 194h, bersamaan dengan tahun 803m. Sahih Bukhārī kitabnya berkenaan dengan hadis adalah digunakan sesudah al-Quran. Ia telah mempelajari ilmu al-hadis mulai daripada umurnya sebelas tahun dan meneruskan pelajarannya selama enam tahun. Kemudian berangkat ke Mekah mengumpulkan hadis-hadis hampir-hampir 40 tahun lamanya dia merantau di dalam dunia Islam kerana menambahkan pengetahuan dalam ilmu ini.

Ia pergi berjumpa orang-orang yang menyampaikan hadis-hadis serta menyiasat dengan saksama akan kedudukan orang-orang itu dan orang-orang yang mengetahui hal-hal orang-orang yang meriwayatkan hadis itu dengan amanah dan jujurnya. Setelah itu ia balik ke Naysabur tetapi terpaksa meninggalkan tempat itu kerana ia tidak diperkenani oleh pesuruhjaya wilayah itu. Ia telah tinggal di sebuah kampung di Samarkand dan di sana ia telah meninggal dunia dalam usia 62 tahun iaitu pada tahun 869M.

Seorang yang sangat warak dan taqwa, lurus dan sangat-sangat pemurah kepada orang-orang miskin serta sentiasa menuntut ilmu. Kegemarannya ialah mengumpulkan hadis-hadis Nabi dan gemar bermain panah serta mahir di dalamnya. Ia tidak

(sambungan muka 37)

matahari dan bumi. Dan terjadinya gerhana bulan pula ialah apabila ia betul-betul bertentang dengan matahari tetapi dihalangi oleh bumi.

Kesimpulannya peredaran matahari, bumi, bulan, bintang, gerhana matahari, gerhana bulan dan sebagainya, sebagaimana yang tersebut di dalam ilmu falak zaman ini, tidak ada yang menyalahi Islam. Bahkan sudah ada di dalam Islam.

membenarkan sesiapa, sekalipun khalifah mengacau usahanya memungut hadis daripada perawi-perawi hadis.

Daripada 600,000 hadis yang didapati olehnya, hanya 7,275 hadis sahaja yang dipilih. Juga di antara yang banyak itu ia hafaz sebanyak 220,000 hadis. Ia menulis tiap-tiap hadis dengan terlebih dahulu mengambil air sembahyang dan berdoa dan dengan sangat-sangat menyiasat. Ia tidak menerima sesuatu hadis melainkan setelah cukup memeriksa orang-orang yang membawa atau menerangkan hadis-hadis itu sehingga sampai kepada Rasulullah (S.A.W).

Daripada semua hadis yang diriwayatkannya adalah sebanyak 2,762 hadis yang telah dirakamkan olehnya di dalam kitabnya yang terkenal dengan “Sahih Bukhārī”.

Sahih Muslim pula adalah terletak pada darjat yang kedua sesudah Sahih Bukhārī. Muslim ialah keturunan Arab diperanakkan di Khurasan. Namanya Abū al-Hussīn Muslim bin al-Hajj al-Naysabūrī dan dizahirkan pada tahun 204h bersamaan dengan 817m. Ia keturunan daripada orang-orang yang memegang kedudukan yang mustahak dalam masa khalifah yang keempat. Banyak juga hadis-hadis yang telah diambil daripada ayahnya sendiri yang menjadi juga seorang perawi hadis. Ia telah mengembara kepada banyak tempat kerana mempelajari hadis dan setelah habis menuntut daripada berbagai-bagai tempat maka ia telah duduk di Naysabur dan tinggal di sana sepanjang hayatnya mengajar dalam ilmu hadis. Ia telah meninggal pada tahun 262H. (874M)

Kedudukan Sahih Muslim ialah yang kedua daripada kedudukan Bukhari dan apabila disebut kedua-duanya bersetuju maka hadis itu dipandang kuat – disebut “*Muttafiqayni ‘alayh*”. Ulasan berkenaan kitab ini didapati di dalam kitab karangan Ibnu Khāliq. Di dalam kita Sahih Muslim ini mengandungi 9,200 hadis dipilih daripada 300,000. Selain daripada kitabnya itu banyak kitab-kitab karangannya seperti Musnad Kabīr, Jāmi‘ Kabīr dan lain-lainnya lagi.